

# Najib,: Jadikan saranan PM iktibar

UM 17 JUN 2003

KUALA LUMPUR 16 Jun – Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap ahli-ahli UMNO menghayati saranan yang akan disampaikan dalam Perhimpunan Agung parti itu daripada terlalu banyak memuji sumbangannya.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Dr. Mahathir memberitahu, cara paling baik menghargai jasanya ialah dengan menghayati saranan beliau.

“Beliau merasakan bahawa peninggalan beliau paling besar ialah nilai-nilai perjuangan yang selalu diberi penekanan oleh

Presiden,” katanya hari ini pada sidang akhbar mengenai usul-usul yang akan dibawa pada Perhimpunan Agung UMNO yang bermula esok.

Menurut Najib, Dr. Mahathir selalu menvatakan bahawa mesej yang mahu disampaikan dalam ucapannya kadang-kadang tidak dihayati ahli UMNO.

“Kita harap ahli UMNO memberi perhatian kepada saranan beliau untuk dijadikan sebagai iktibar kepada ahli,” katanya.

Beliau memberitahu bahawa draf usul ucapan dasar Presiden kali ini banyak menyentuh tentang isu antarabangsa serta pe-

ranan Malaysia sebagai negara Islam dan negara sedang membangun.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein akan membahaskan ucapan dasar presiden manakala Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Azalina Othman Said pula sebagai penyokongnya.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Usul Perhimpunan Agung UMNO berkata, pemilihan Hishammuddin dan Azalina itu adalah sebagai meneruskan kesinambungan generasi muda terhadap perjuangan UMNO.

Bagi usul Pendidikan/

Agama pula, Badan Perhubungan UMNO Johor menerusi Ketua UMNO Bahagian Kluang, Datuk Gapar Gurrohu akan membahaskannya dan disokong oleh Datuk Zainal Abidin Sakom dari bahagian Hulu Selangor yang mewakili Badan Perhubungan UMNO Selangor.

Sementara itu Ahli Exco Pergerakan Wanita UMNO, Datuk Raja Ropiah Raja Abdullah akan membahaskan usul ekonomi dengan disokong oleh Timbalan Ketua UMNO Bahagian Bachok, Datuk Dr. Awang Adek Hussein yang mewakili Badan Perhubungan UMNO Kelantan.